



ثجاجة قربندهاران نكري كلتن
PEJABAT PERBENDAHARAAN
NEGERI KELANTAN
Blok 4, Kota Darulnaim,
15503 Kota Bharu, Kelantan.

Pentadbiran Am : 09-7481957
Pegawai Kewangan Negeri : 09-7485343
Timbalan Pegawai Kewangan Negeri : 09-7436429
Bendahari Negeri : 09-7483484
Fax No : 09-7487113
E-mail : treasury@kelantan.gov.my
Web site : www.pkn.kelantan.gov.my

Ruj. Kami : PKN.E.1-6/Jld.7(1)
Bertarikh : 26 Syawal 1444H
17 Mei 2023

Ke majlis,

Sebagaimana Senarai Edaran

YB Dato' Lela Perkasa/YAA/YBhg. Dato'/YM/Tuan,

MESYUARAT JAWATANKUASA PEMANTAUAN HASIL NEGERI KELANTAN BIL.2/2023

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa mesyuarat di atas akan diadakan sebagaimana berikut :-

Tarikh : 24 Mei 2023 (Rabu)
Masa : 11.30 pagi
Tempat : Bilik Gerakan Negeri, Kota Darulnaim
Pengerusi : YB Dato' Pegawai Kewangan Negeri

3. Perkara-perkara yang akan dibincangkan adalah sebagaimana berikut :-

- Kedudukan prestasi hasil berakhir sehingga 30 April 2023
- Kedudukan prestasi tunggakan hasil sehingga 30 April 2023
- Permasalahan dan kaedah/langkah yang diambil bagi mengatasinya
- Hal-hal lain

4. Sehubungan dengan itu, bersama-sama ini disertakan minit dan format maklumbalas Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Hasil Negeri Kelantan Bil.1/2023 untuk tindakan perkara-perkara berbangkit dan pohon kemukakan kepada urusetia mesyuarat (YBrs. Ketua Penolong Bendahari) di talian fax 09-7473417 atau email adira@kelantan.gov.my sebelum atau pada 21hb. Mei 2023 (Ahad) untuk tindakan selanjutnya.

5. Di atas perhatian dan kerjasama YB Dato'/YAA/YBhg. Dato'/YM/Tuan dalam perkara ini didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

"ALLAH DITAATI, RAJA DISANJUNGI, RAKYAT DIKASIHI"

Yang menjalankan amanah,


DATO' HAJI NORAZMAN BIN ABD. GHANI, D.P.S.K (Kelantan)
Pegawai Kewangan Negeri
Kelantan

s.k : YB Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Negeri

Adira_meeting jkph1/2023

Edaran dalaman :

YBrs. Timbalan Pegawai Kewangan Negeri

YBrs. Bendahari Negeri

YBrs. Ketua Penolong Pegawai Kewangan Negeri
(Perolehan & Pengurusan Aset)

YBrs. Ketua Penolong Bendahari

YBrs. Penolong Pegawai Kewangan Negeri (Khidmat Pengurusan)

YBrs. Penolong Pegawai Kewangan Negeri (Belanjawan)

YBrs. Pegawai Teknologi Maklumat - Pohon kemaskini di dalam
Laman Web Perbendaharaan Negeri (Webmaster)

YBrs. Penolong Akauntan (Analisis & Pemantauan Pelaburan)

YBrs. Penolong Akauntan KUP (Analisis & Pemantauan Pelaburan)

YBrs. Pembantu Pejabat – Penyediaan bilik mesyuarat dan persegaran

**MINIT MESYUARAT
JAWATANKUASA PEMANTAUAN HASIL NEGERI KELANTAN
BIL.1/2023**

**Tarikh : 17 Januari 2023 (Selasa)
Masa : 9.30 Pagi
Tempat : Bilik Mesyuarat Utama,
Perbendaharaan Negeri Kelantan.**

SENARAI KEHADIRAN:

1. YB Dato' Hj. Norazman bin Abd Ghani - Pengerusi
Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
2. YB Dato' Lela Perkasa Hj. Che Mohd Rahim bin Hj. Jusoh
Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam
3. YABrs. Hj. Mohd. Anis bin Hussein
Ketua Jajahan Kota Bharu
4. YM. Hj. Tengku Ab Rahman bin Tuan Yunus
Ketua Jajahan Kuala Krai
5. YABrs. En. Hazmi bin Abdul Hamid
Ketua Jajahan Pasir Mas
6. YABrs. En. Mohammad Yusoff bin Hassan
Ketua Jajahan Tanah Merah
7. YABrs. Hj. Ahmad Adlee bin Yasin
Ketua Jajahan Pasir Puteh
8. YABrs. Hj. Rusydee bin Abdullah
Ketua Jajahan Tumpat
9. YABrs. Hj. Nik Raisnan bin Daud
Ketua Jajahan Jeli
10. YABrs. En. Zamri bin Ibrahim@Ibraim
Ketua Jajahan Kecil Lojing
11. YBrs. En. Ahmad Fadzli bin Hj. Abdullah
Ketua Penolong Setiausaha (Perumahan)
12. YBrs. Pn. Rohani binti Ishak
Wakil YAA Ketua Hakim Syarie Negeri
13. YBrs. En. Muhammad Riyadhul Hanif bin Abdullah
Wakil YBhg.Dato' Pengarah Tanah dan Galian Negeri



14. YBrs. En. Mohd Zaki bin Ismail
Wakil YABrs. Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri Kelantan
15. YBrs. En. Othman bin Deris
Wakil YABrs. Pengarah Perhutanan Negeri Kelantan
16. YBrs. Dr. Sharifah Asiah binti Hj. Mohd Amin
Wakil YABrs. Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan
17. YABrs.En. Mahzan bin Che Mohamed
Wakil YABrs. Ketua Jajahan Gua Musang
18. YBrs. En. Mohamad Akram bin Abdullah
Wakil YABrs. Ketua Jajahan Bachok
19. YBrs. Puan Asma Suhana Wahida binti W. Deraman
Wakil YABrs. Pengarah Jabatan Sumber Air Negeri Kelantan
20. YBrs. En. Wan Zulfadhli Syahman bin Wan Yusof
Wakil YBrs. Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri Kelantan
21. YBrs. Pn. Nor Sheri Erani binti Abdullah
Wakil YBrs. Pengarah Bahagian Koordinasi dan Program Khas
22. YBrs. Pn. Nublah Nurina binti Dato' Hj. Nazran
Wakil YBrs. Ketua Penolong Setiausaha
Bahagian Koridor Infrastruktur & Maklumat Geospatial
23. YBrs. Pn. Noraz Leley binti Muhamad
Wakil YBrs. Ketua Penolong Setiausaha Kewangan (Khidmat Pengurusan)

PEJABAT PERBENDAHARAAN NEGERI:

24. YBrs. En. Roslan bin Yahya
Bendahari Negeri
25. YBrs. Pn. Nurmastura binti Dato' Yahaya
Ketua Penolong Pegawai Kewangan Negeri (Perolehan & Aset)

URUSETIA:

1. YBrs. Pn. Wan Saibah binti Wan Daud
Penolong Akauntan (APP/Hasil)
2. YBrs. Pn. Adira Aini binti Yusoff
Penolong Akauntan KUP (APP)
3. YBrs. Pn. Nazrah binti Zahari
Pembantu Tadbir Kanan Kewangan (Hasil)

TURUT HADIR:

1. YBrs. En. Ahmad Qalbuddeen bin Sharifuddin
Pejabat Tanah dan jajahan Gua Musang
2. YBrs. Che Wahizatul Nadiah binti Che Ab. Wahab
Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF):

1. YBrs. En. Nik Mohd Hasanuddin bin Nik Hussain
Ketua Jajahan Machang
2. YBrs. Pn. Norazlina binti Zakaria
Ketua Penolong Bendahari

1.0 UCAPAN Pengerusi

Yang Berhormat Dato' Pengerusi memulakan mesyuarat dengan bacaan Ummul Kitab Al-Fatihah dan merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada Ketua-ketua Jabatan dan wakil yang hadir.

2.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT PEMANTAUAN HASIL NEGERI Bil.2/2022

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Hasil Negeri Kelantan Bil.2/2022 (Suku Tahun Kedua 2022) yang diadakan pada 29 Ogos 2022 (Isnin) disahkan dengan pindaan iaitu YABrs. En. Nik Mohd Hasanuddin bin Nik Hassan dipinda kepada YABrs. En. Nik Mohd Hasanuddin bin Nik Hussain.

3.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

3.1 Cadangan Punca Hasil Baru

- 3.1.1 Mesyuarat dimaklumkan bahawa cadangan yang telah dikemukakan oleh Pejabat Tanah dan Jajahan Machang untuk dikenakan bayaran buka fail aduan dan tunjuk sempadan mengikut keluasan telah sedia wujud menurut kuasa Kaedah 21 Kaedah-Kaedah Tanah Kelantan 1966 (berkenaan kadar bayaran).

Tindakan: Makluman

- 3.1.2 Mesyuarat turut dimaklumkan bahawa cadangan promosi penyelesaian tanah pusaka menerusi media sosial dan hebahan melalui siaran media massa telah dijalankan oleh Bahagian Pusaka, JKPTG secara meluas. Urusan pusaka adalah terletak dibawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan.

Tindakan: Makluman

- 3.1.3 Mesyuarat juga dimaklumkan bahawa Kertas Cadangan Pindaan Kaedah 8 bagi Lesen Sementara Kaedah-Kaedah Sumber Air Negeri Kelantan telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan pada 19 Oktober 2022 dan pelaksanaannya pada tahun 2023. Dianggarkan hasil yang akan diperolehi adalah sebanyak RM500,000.00 bagi keluasan tanah 2,300 hektar.

Tindakan: Jabatan Sumber Air

- 3.1.4 Mesyuarat dimaklumkan bahawa tunggakan yuran tahunan Peguam Syarie yang tidak beramal dikecualikan sebagaimana Kaedah-Kaedah Peguam Syarie dan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kelayakan dan Tatatertib Peguam Syarie Bil. 3/2022. Yuran tahunan tersebut hanya dikenakan bagi Peguam Syarie yang beramal pada tahun semasa sahaja.

Tindakan: Makluman

- 3.1.5 Mesyuarat juga dimaklumkan caj bagi permohonan yuran bagi Peguam Syarie beramal dalam tahun semasa ialah RM250.00 manakala kutipan dianggarkan berjumlah RM60,000.00 dalam tempoh setahun.

Tindakan: Makluman

- 3.1.6 Mesyuarat turut mencadangkan punca hasil baharu bagi pengenaan bayaran taksiran kepada setiap urusan pindahmilik tanah (borang 14A) sebelum urusan nilai tanah dan kertas cadangan perlu diangkat ke Pejabat Pengarah Tanah dan Galian untuk semakan.

Tindakan: Pejabat Tanah dan Jajahan Tumpat

3.2 Notis 5A

- 3.2.1 Mesyuarat dimaklumkan oleh Jabatan:

- 3.2.1.1 bahawa status terkini terdapat 18 Notis 5A yang dikeluarkan oleh Pejabat Tanah dan Jajahan Machang berjumlah RM27.95 juta masih belum dijelaskan oleh pemohon. Daripada jumlah tersebut sebanyak 16 Notis 5A sahaja yang telah tamat tempoh berjumlah RM27.94 juta. Bagi Notis 5A yang telah tamat tempoh, Pejabat Tanah dan Jajahan Machang telah mengambil inisiatif dengan menghantar surat ulangan pada 15 September 2022 sebelum proses pembatalan permohonan dan cadangan untuk diserahkan kepada PTK;
- 3.2.1.2 bahawa Pejabat Tanah dan Jajahan Pasir Mas telah mengangkat 4 fail kepada Pejabat Tanah dan Galian untuk pembaharuan Notis 5A; dan
- 3.2.1.3 bahawa semua Pejabat Tanah dan Jajahan telah mengambil maklum status terkini pengeluaran Notis 5A kepada Pejabat Perbendaharaan Negeri dan Pejabat Tanah dan Galian. Antara status terkini pengeluaran Notis 5A adalah sebagaimana berikut:

Jajahan	Jumlah Pengeluaran Notis 5A	Jumlah Telah Dibayar	Baki
PTJ Gua Musang – Agensi	RM26.14 juta / 30 Fail	RM13.96 juta / 14 Fail	RM12.17 juta / 16 Fail
– Individu	RM2.75 juta / 319 Fail	RM1.09 juta / 159 Fail	RM1.65 juta 160 Fail
PTJ Kota Bharu	RM4.08 juta / 45 Fail		
PTJ Machang – Agensi	RM27.87 juta / 8 Fail		
– Individu	RM0.78 juta / 10 Fail		
PTJ Pasir Mas	2 fail telah diluluskan dan telah dijelaskan bayaran oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP)		

Tindakan: Semua Pejabat Tanah dan Jajahan

- 3.2.2 Mesyuarat bersetuju supaya tanah-tanah yang terlibat dengan Notis 5A tamat tempoh diserahkan kepada Pesuruhjaya Tanah Kelantan dan proses permohonan tanah perlu disegerakan.

Tindakan: Semua Pejabat Tanah dan Jajahan

- 3.2.3 Mesyuarat juga bersetuju Pejabat Tanah dan Jajahan akan menerima bayaran yang dibuat oleh pemohon selepas Notis 5A tamat tempoh.

Tindakan: Semua Pejabat Tanah dan Jajahan

3.3 Insentif Pungutan Hasil Tahun 2021

Mesyuarat dimaklumkan Pejabat Pengarah Tanah dan Galian sedang dalam tindakan menyediakan kertas kerja Insentif Pungutan Hasil.

Tindakan: Pejabat Pengarah Tanah dan Galian

3.4 Pelanggaran Syarat Tanah

Mesyuarat dimaklumkan bahawa Pejabat Tanah dan Jajahan telah mengambil tindakan mengenal pasti kes pelanggaran syarat tanah di Jajahan masing-masing dan telah melakukan penguatkuasaan ke atas lokasi-lokasi tanah serta mengadakan mesyuarat pelarasan sebagaimana berikut:-

Pejabat Pengarah Tanah dan Galian	- Sedang dalam tindakan perancangan penyelarasan tindakan penguatkuasaan pelanggaran syarat secara berfasa bersama PTJ dengan memfokuskan pelanggaran syarat berdasarkan jalan/ laluan utama di setiap jajahan, penentuan lokasi dan jarak (radius) siasatan pelanggaran yang akan diputuskan dalam mesyuarat penyelarasan akan datang.
PTJ Jeli	- 7 lot dalam siasatan Penolong Pegawai Tanah - 11 lot dalam proses pengeluaran surat pentadbiran kepada pemilik tanah supaya membuat permohonan
PTJ Machang	- 100 kes pelanggaran syarat tanah dari tahun 2018 sehingga 2022
PTJ Pasir Puteh	- Masih melaksanakan rondaan berkala oleh Unit Penguatkuasaan bagi memantau isu pelanggaran syarat di sepanjang laluan utama
PTJ Kota Bharu	- 20 fail masih dalam tindakan. Penguatkuasaan akan dipertingkatkan bagi kes pelanggaran syarat guna tanah di masa hadapan

Tindakan : Pejabat Pengarah Tanah dan Galian
/ semua Pejabat Tanah dan Jajahan

3.5 Tanah-tanah Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP)

- 3.5.1 Mesyuarat dimaklumkan bahawa Pejabat Tanah dan Jajahan telah mengenalpasti dan mengambil tindakan ke atas tapak sekolah, balai polis dan tapak tambahan Kompleks Imigresen yang belum diberi hakmilik sebagaimana berikut:-

PTJ Machang	- 5 tapak sekolah telah diterima permohonan daripada PTP dengan anggaran premium RM8.35 juta - 4 tapak sekolah belum diterima permohonan secara rasmi daripada PTP dengan anggaran premium RM8.19 juta. PTJ telah memanjangkan perkara ini kepada PTP dan JKPTG
PTJ Pasir Mas	- Pejabat Tanah akan mengadakan mesyuarat penyelarasan bersama-sama wakil JKPTG untuk 2 tapak balai polis, 1 tapak sekolah dan tapak tambahan Kompleks Imegresen di Jajahan Pasir Mas. Anggaran premium RM1.96 juta. - Senarai tapak sekolah yang belum diberimilik telah dikemukakan kepada JKPTG dalam

	Mesyuarat Pemantauan Taman Persekutuan Bil. 2/2022 bertarikh 6 Disember 2022
PTJ Pasir Puteh	- PTJ Pasir Puteh telah menghantar surat kepada PTP sebanyak 3 kali iaitu pada 28 April 2020, 16 Ogos 2020 dan 10 Mac 2021 yang mengesyorkan PTP membuat permohonan milik bagi 6 tapak (5 tapak sekolah dan 1 tapak Jabatan Pendaftaran Negara). Walaubagaimanapun hanya 1 permohonan diterima iaitu tapak Sekolah Kebangsaan Jelor.
PTJ Gua Musang	- 19 fail permohonan sedang dalam proses oleh Jabatan
PTJ Kota Bharu	- Terdapat agensi yang menduduki tanah yang belum diberimilik iaitu 41 tanah milik KEMAS, 6 lot tanah yang diduduki oleh Jabatan Kastam dengan anggaran premium RM18.67 juta dan 1 tapak PPD
PTJ Tumpat	- Jabatan telah mengenalpasti 10 tapak sekolah dipohonmilik dan berstatus tanah kerajaan dan telah surat bertarikh 16 Julai 2020 telah dikeluarkan kepafta PTP dan Kementerian Pendidikan Malaysia namun masih tiada maklumbalas diterima daripada pihak berkenaan.

Tindakan: Semua Pejabat Tanah dan Jajahan

- 3.5.2 Mesyuarat bersetuju supaya tapak tanah yang belum diberi milik kepada agensi diambil tindakan menyejgerakan proses permohonan tanah.

Tindakan: Semua Pejabat Tanah dan Jajahan/
Pejabat Pengarah Tanah dan Galian

3.6. Pemberian Hakmilik Tapak Hospital Raja Perempuan Zainab II

- 3.6.1. Mesyuarat dimaklumkan Kementerian Kesihatan bersetuju untuk membayar premium tanah sebanyak RM54.0 juta kepada Pesuruhjaya Tanah Kelantan bagi tanah Hospital Raja Perempuan Zainab II.
- 3.6.2. Mesyuarat dimaklumkan juga pemberi milikan bagi tapak Hospital Raja Perempuan Zainab II tidak dapat dibuat disebabkan tapak tersebut masih lagi berstatus rizab dan perlu disemak semula sebelum pemberian hak milik kepada Hospital Raja Perempuan Zainab II.

- 3.6.3 Mesyuarat mengambil maklum Pejabat PTG telah mengadakan rundingan dengan pihak JKPTG untuk permohonan pemberimilikan tapak ini dan akan dibincangkan dalam mesyuarat Pentadbir Tanah.

Tindakan: Pejabat Pengarah Tanah dan Galian /
Pejabat Tanah dan Jajahan Kota Bharu

4.0 PEMBENTANGAN OLEH PEJABAT PERBENDAHARAAN NEGERI

4.1 Mesyuarat mengambil maklum bahawa:

- 4.1.1 Prestasi keseluruhan hasil jabatan-jabatan di Negeri Kelantan sehingga 31 Disember 2022 adalah berjumlah RM983.42 juta meningkat sebanyak RM209.94 juta berbanding tahun 2021;
- 4.1.2 Penyumbang terbesar adalah Terimaan Bukan Hasil dengan jumlah RM486.13 juta meliputi bayaran "one -off" Empangan Nenggiri, Hasil Cukai RM163.92 juta dan Hasil Bukan Cukai RM 333.37;
- 4.1.3 Kutipan hasil yang tertinggi sehingga 31 Disember 2022 adalah pejabat Perbendaharaan Negeri iaitu RM465.93 juta, diikuti oleh Pejabat Pengarah Tanah & Galian RM131.16 juta dan Jabatan Perhutanan Negeri RM105.85;
- 4.1.4 Kutipan hasil oleh Jabatan Perikanan Negeri sebanyak RM1.71 juta (335.76%) yang disumbangkan oleh Deposit Akaun Amanah;
- 4.1.5 Penyumbang terbesar hasil sehingga 31 Disember 2022 mengikut kategori adalah kategori Tanah iaitu sebanyak RM297.88 juta, hasil Hutan sebanyak RM95.18 juta, Keuntungan Pembiayaan & Perolehan DRP Simpanan/Pelaburan sebanyak RM19.15 juta dan Rumah Awam Kos Rendah sebanyak RM0.48 juta;
- 4.1.6 Kutipan Hasil Perlombongan sebanyak RM19.68 juta menurun sebanyak 7.56 juta berbanding tahun lepas. Penurunan ini disebabkan oleh kekurangan pekerja dan harga yang tidak stabil bagi pengeluaran emas dan manganese;
- 4.1.7 kertas Cadangan Menambahbaik Pemberian Geran Perkapita Mengikut Bilangan Orang telah dikemukakan kepada Perbendaharaan Negeri Terengganu untuk tujuan penyelarasan sebelum diangkat kepada Kementerian Kewangan Malaysia; dan
- 4.1.8 tunggakan hasil sehingga 31 Disember 2022 yang tertinggi ialah Notis dan Denda lewat berjumlah RM85.01 juta, diikuti oleh Tunggakan Cukai Tanah berjumlah RM46.80 juta dan Cukai Tanah Semasa berjumlah RM22.32 juta

Tindakan: Makluman

5.0 HAL-HAL LAIN

Tiada

6.0 PENUTUP

Yang Berhormat Dato' Pengerusi sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua ahli mesyuarat yang hadir serta menangguhkan mesyuarat pada jam 11.30 pagi dengan bacaan surah Al-Asr dan Tasbih Kafarrah.


Disediakan oleh:



(WAN SAIBAH BINTI WAN DAUD)

Penolong Akauntan (Analisa dan Pemantauan Pelaburan)
Perbendaharaan Negeri Kelantan


Disemak oleh:



(ROSLAN BIN YAHYA)

Bendahari Negeri
Perbendaharaan Negeri Kelantan

Disahkan oleh:



DATO' HAJI NORAZMAN BIN ABD. GHANI, D.P.S.K (Kelantan)

Pegawai Kewangan Negeri
Perbendaharaan Negeri Kelantan

**MINIT MESYUARAT
JAWATANKUASA PEMANTAUAN HASIL NEGERI KELANTAN
BIL.1/2023**

Tarikh : 17 Januari 2023 (Selasa)
Masa : 9.30 Pagi
**Tempat : Bilik Mesyuarat Utama,
Perbendaharaan Negeri Kelantan.**

3.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT 3.1.3 Mesyuarat juga dimaklumkan bahawa Kertas Cadangan Pindaan Kaedah 8 bagi Lesen Sementara Kaedah-Kaedah Sumber Air Negeri Kelantan telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan pada 19 Oktober 2022 dan pelaksanaannya pada tahun 2023. Dianggarkan hasil yang akan diperolehi adalah sebanyak RM500,000.00 bagi keluasan tanah 2,300 hektar. Tindakan: Jabatan Sumber Air	MAKLUM BALAS
3.1.6 Mesyuarat turut mencadangkan punca hasil baharu bagi pengenaan bayaran taksiran kepada setiap urusan pindahmilik tanah (borang 14A) sebelum urusan nilai tanah dan kertas cadangan perlu diangkat ke Pejabat Pengarah Tanah dan Galian untuk semakan. Tindakan: Pejabat Tanah dan Jajahan Tumpat	
3.2 Notis 5A 3.2.1 Mesyuarat dimaklumkan oleh Jabatan: 3.2.1.1 bahawa status terkini terdapat 18 Notis 5A yang dikeluarkan oleh Pejabat Tanah dan Jajahan Machang berjumlah RM27.95 juta masih belum dijelaskan oleh pemohon. Daripada jumlah tersebut sebanyak 16 Notis 5A sahaja yang telah tamat tempoh berjumlah RM27.94 juta. Bagi Notis 5A yang telah tamat tempoh, Pejabat Tanah dan Jajahan Machang telah mengambil inisiatif dengan menghantar surat ulangan pada 15 September 2022 sebelum proses pembatalan permohonan dan cadangan untuk diserahkan kepada PTK; 3.2.1.2 bahawa Pejabat Tanah dan Jajahan Pasir Mas telah mengangkat 4 fail kepada Pejabat Tanah dan Galian untuk pembaharuan Notis 5A; dan	

3.2.1.3 bahawa semua Pejabat Tanah dan Jajahan telah mengambil maklum status terkini pengeluaran Notis 5A kepada Pejabat Perbendaharaan Negeri dan Pejabat Tanah dan Galian. Antara status terkini pengeluaran Notis 5A adalah sebagaimana berikut:

Jajahan	Jumlah Pengeluaran Notis 5A	Jumlah Telah Dibayar	Baki
PTJ Gua Musang – Agensi	RM26.14 juta / 30 Fail	RM13.96 juta / 14 Fail	RM12.17 juta / 16 Fail
– Individu	RM2.75 juta / 319 Fail	RM1.09 juta / 159 Fail	RM1.65 juta / 160 Fail
PTJ Kota Bharu	RM4.08 juta / 45 Fail		
PTJ Machang – Agensi	RM27.87 juta / 8 Fail		
– Individu	RM0.78 juta / 10 Fail		
PTJ Pasir Mas	2 fail telah diluluskan dan telah dijelaskan bayaran oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP)		

Tindakan: Semua Pejabat Tanah dan Jajahan

3.2.2 Mesyuarat bersetuju supaya tanah-tanah yang terlibat dengan Notis 5A tamat tempoh diserahkan kepada Pesuruhjaya Tanah Kelantan dan proses permohonan tanah perlu disegerakan.

Tindakan: Semua Pejabat Tanah dan Jajahan

3.2.3 Mesyuarat juga bersetuju Pejabat Tanah dan Jajahan akan menerima bayaran yang dibuat oleh pemohon selepas Notis 5A tamat tempoh.

Tindakan: Semua Pejabat Tanah dan Jajahan

3.3 Insentif Pungutan Hasil Tahun 2021

Mesyuarat dimaklumkan Pejabat Pengarah Tanah dan Galian sedang dalam tindakan menyediakan kertas kerja Insentif Pungutan Hasil.

Tindakan: Pejabat Pengarah Tanah dan Galian

3.4 Pelanggaran Syarat Tanah

Mesyuarat dimaklumkan bahawa Pejabat Tanah dan Jajahan telah mengambil tindakan mengenal pasti kes pelanggaran syarat tanah di Jajahan masing-masing dan telah melakukan penguatkuasaan ke atas lokasi-lokasi tanah serta mengadakan mesyuarat pelarasan sebagaimana berikut:-

Pejabat Pengarah Tanah dan Galian	- Sedang dalam tindakan perancangan penyelarasan tindakan penguatkuasaan pelanggaran syarat secara berfasa bersama PTJ dengan memfokuskan pelanggaran syarat berdasarkan jalan/ laluan utama di setiap jajahan, penentuan lokasi dan jarak (radius) siasatan pelanggaran yang akan diputuskan dalam mesyuarat penyelarasan akan datang.
PTJ Jeli	- 7 lot dalam siasatan Penolong Pegawai Tanah - 11 lot dalam proses pengeluaran surat pentadbiran kepada pemilik tanah supaya membuat permohonan
PTJ Machang	- 100 kes pelanggaran syarat tanah dari tahun 2018 sehingga 2022
PTJ Pasir Puteh	- Masih melaksanakan rondaan berkala oleh Unit Penguatkuasaan bagi memantau isu pelanggaran syarat di sepanjang laluan utama
PTJ Kota Bharu	- 20 fail masih dalam tindakan. Penguatkuasaan akan dipertingkatkan bagi kes pelanggaran syarat guna tanah di masa hadapan

Tindakan : Pejabat Pengarah Tanah dan Galian
/ semua Pejabat Tanah dan Jajahan

3.5 Tanah-tanah Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP)

3.5.1 Mesyuarat dimaklumkan bahawa Pejabat Tanah dan Jajahan telah mengenalpasti dan mengambil tindakan ke atas tapak sekolah, balai polis dan tapak tambahan Kompleks Imigresen yang belum diberi hakmilik sebagaimana berikut:-

PTJ Machang	- 5 tapak sekolah telah diterima permohonan daripada PTP dengan anggaran premium RM8.35 juta - 4 tapak sekolah belum diterima permohonan secara rasmi daripada PTP dengan anggaran premium RM8.19 juta. PTJ telah memanjangkan perkara ini kepada PTP dan JKPTG
-------------	--

PTJ Pasir Mas	- Pejabat Tanah akan mengadakan mesyuarat penyelarasan bersama-sama wakil JKPTG untuk 2 tapak balai polis, 1 tapak sekolah dan tapak tambahan Kompleks Imegresen di Jajahan Pasir Mas. Anggaran premium RM1.96 juta. - Senarai tapak sekolah yang belum diberimilik telah dikemukakan kepada JKPTG dalam Mesyuarat Pemantauan Taman Persekutuan Bil. 2/2022 bertarikh 6 Disember 2022	
PTJ Pasir Puteh	- PTJ Pasir Puteh telah menghantar surat kepada PTP sebanyak 3 kali iaitu pada 28 April 2020, 16 Ogos 2020 dan 10 Mac 2021 yang mengesyorkan PTP membuat permohonan milik bagi 6 tapak (5 tapak sekolah dan 1 tapak Jabatan Pendaftaran Negara). Walaubagaimanapun hanya 1 permohonan diterima iaitu tapak Sekolah Kebangsaan Jelor.	
PTJ Gua Musang	- 19 fail permohonan sedang dalam proses oleh Jabatan	
PTJ Kota Bharu	- Terdapat agensi yang menduduki tanah yang belum diberimilik iaitu 41 tanah milik KEMAS, 6 lot tanah yang diduduki oleh Jabatan Kastam dengan anggaran premium RM18.67 juta dan 1 tapak PPD	
PTJ Tumpat	- Jabatan telah mengenalpasti 10 tapak sekolah dipohonmilik dan berstatus tanah kerajaan dan telah surat bertarikh 16 Julai 2020 telah dikeluarkan kepada PTP dan Kementerian Pendidikan Malaysia namun masih tiada maklumbalas diterima daripada pihak berkenaan.	
Tindakan: Semua Pejabat Tanah dan Jajahan		
3.5.2 Mesyuarat bersetuju supaya tapak tanah yang belum diberi milik kepada agensi diambil tindakan menyegerakan proses permohonan tanah. Tindakan: Semua Pejabat Tanah dan Jajahan/ Pejabat Pengarah Tanah dan Galian		

3.5.3	Mesyuarat dimaklumkan Kementerian Kesihatan bersetuju untuk membayar premium tanah sebanyak RM54.0 juta kepada Pesuruhjaya Tanah Kelantan bagi tanah Hospital Raja Perempuan Zainab II.	
3.5.4	Mesyuarat dimaklumkan juga pemberi milikan bagi tapak Hospital Raja Perempuan Zainab II tidak dapat dibuat disebabkan tapak tersebut masih lagi berstatus rizab dan perlu disemak semula sebelum pemberian hak milik kepada Hospital Raja Perempuan Zainab II.	
3.5.5	Mesyuarat mengambil maklum Pejabat PTG telah mengadakan rundingan dengan pihak JKPTG untuk permohonan pemberimilikan tapak ini dan akan dibincangkan dalam mesyuarat Pentadbir Tanah.	
Tindakan: Pejabat Pengarah Tanah dan Galian / Pejabat Tanah dan Jajahan Kota Bharu		